

*Tarbiyah Pengasas Siri 44*  
*6 September 2022*

## **KESATUAN ISDEV**

*Prof Dr Muhammad Syukri Salleh*

Soalan Dr Wan Norhaniza:

**Sejak dulu Prof sentiasa tekankan agar warga ISDEV semua bersatu dan ada kesatuan. Pada penilaian Prof, apakah ISDEV sekarang sudah mencapai kesatuan tersebut?**

1. Ya, benar.
2. Sejak mula ISDEV ditubuhkan lagi, saya tekankan akan betapa pentingnya sifat bersatu dan kesatuan dalam kalangan warga ISDEV.
3. Bersatu dan kesatuan ini sangat penting kerana saya bercita-cita membawa perubahan:
  - ❖ Perubahan dalam kaedah pengajaran-pembelajaran
  - ❖ Perubahan dalam menegakkan jati diri dan akhlak
  - ❖ Perubahan dalam bidang Pengajian Pembangunan
  - ❖ Perubahan-perubahan lain yang berkaitan
4. Perubahan ini pula saya hendak lakukan melalui kaedah yang berbeza daripada kaedah kebanyakan orang lain.
5. Saya hendak lakukan perubahan ini melalui kaedah non-konfrontasional, bukan melalui kaedah konflik sebagaimana kebanyakan orang lain lakukan.

6. Kaedah non-konfrontasional cukup mendamaikan, manakala kaedah konflik memudharatkan. Misalnya:

- ❖ Yuran untuk Disertasi MISDEV kena bayar sekaligus dalam satu semester, walaupun kursus itu dua semester. Satu ketika, pelajar protes. Saya di Kanada ketika itu. Saya arahkan supaya berhenti protes, tambahlagi IPS cukup membantu ISDEV (eg dalam penganjuran INGRAW). Kita berbincang dengan IPS secara harmoni dan non-konfrontasional. IPS setuju pelajar bayar secara ansuran. Itu satu perubahan yang menggembirakan.
- ❖ Ketika baru-baru hendak bina ISDEV, pihak pengurusan atasan universiti tidak membantu sangat. Kita masih baru dan mereka agak skeptikal dan tidak begitu faham apa yang kita hendak lakukan. Tetapi kita tetap berurusan dengan pihak atasan secara harmoni (kecuali sekali apabila dirasakan kita tidak dilayan dengan adil), sehingga akhirnya pihak pengurusan atasan universiti bertukar ke kepimpinan yang menyokong apa yang kita usahakan, sehingga terbina ISDEV seperti sekarang ini.

7. ISDEV boleh merealisasikan perubahan melalui kaedah harmoni dan non-konfrontasional ketika itu kerana warga ISDEV ada rasa bersatu yang kuat, diikat dengan satu matlamat perjuangan dan kesatuan yang mantap sekali.

8. Sekarang Dr Wan bertanya, bagaimanakah keadaan rasa bersatu dan kesatuan warga ISDEV sekarang? Masih adakah?

9. Saudara/i sebenarnya boleh menilai dan menjawab sendiri soalan ini. Syaratnya sdr/i tahu dan faham apakah asas bersatu dan kesatuan itu.

10. Asas bersatu dan kesatuan ISDEV adalah berdasarkan ajaran Islam. Kita kena bersatu dalam:

- ❖ Tauhid (iman), Fekah (syariah), dan Tasawuf (akhlak).
- ❖ Melaksanakan bersama 6 Rukun Iman (beriman dengan Allah, Malaikat, Kitab, Rasul, Akhirat, dan Qada & Qadar), 5 Rukun Islam (syahadah, solat, puasa, zakat, haji)
- ❖ Mengamalkan 5 hukum (wajib, sunat, haram, makruh, harus (mubah)).

11. Jika telah bersatu dan ada kesatuan dalam ketiga-tiga bidang ini, tidak apa jika ada warga ISDEV yang terlibat dalam jemaah yang berbeza-beza. Di hujung zaman, memang banyak toifah, sehingga lahir pemimpin yang dijanjikan Allah (Imam Mahdi dan Nabi Isa). Sebelum itu tidak ada pemimpin yang layak memimpin seluruh ummah.

12. Dalam ISDEV memang ada warga yang terlibat dalam pelbagai jemaah (toifah) (UMNO, PAS, Amanah, ABIM, Al-Arqam, Tabligh, Ikram, PKS, al-Wasliyah, Nahdatul Ulama, Muhammadiyah, dan sebagainya).

[Nota: Cuma bagi para pensyarah saya nasihat kalau boleh stick dengan jemaah ISDEV, bukan dengan jemaah lain, terutama jemaah politik. Taraf pensyarah adalah lebih tinggi daripada taraf orang politik. Pensyarah sepatutnya menjadi penasihat, dan bersifat objektif, membantu siapa saja yang hendak buat Islam, tidak kira jemaah atau parti politik mana].

13. Kita telah buktikan semuanya boleh hidup dalam harmoni, tanpa konflik. Mereka tinggalkan perbezaan jemaah masing-masing. Sebaliknya mereka bawa kekuatan masing-masing ke ISDEV, sehingga ISDEV menjadi sangat kuat sekali.

14. Saya harap rasa bersatu dan kesatuan sebegini masih ada di ISDEV sekarang. Kalau pun ada perselisihan atau kesalah-fahaman peribadi, bermaaf-maafanlah.
15. Anggap itu perkara remeh. Yang lebih besar ialah memuliakan Allah, Rasul dan Islam, melalui pencapaian dan akhlak kita yang gemilang. Tumpukan kepada perjuangan ini dengan sebaiknya, dengan menjadi pensyarah dan pelajar yang beriman, berakhlak dan cemerlang dalam bidang masing-masing.
16. Asasnya ialah bersatu dan ada kesatuan dalam Tauhid (iman), Fekah (syariat) dan Tasawuf (akhlak). Kesatuan asas ini akan mencorak budaya dan gerak kerja dan perjuangan ISDEV untuk mencapai objektif mencari redha Allah SWT.